

Syor bekas perajurit diberi perhatian

BH 26 JUL 1995

KUALA LUMPUR, Ahad — Kabinet akan memberi perhatian khusus terhadap cadangan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia (PBPM) bagi menubuhkan Tabung Modal Pusingan, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, beliau yakin cadangan itu akan mendapat pertimbangan positif daripada Kabinet selepas mengambil kira perkembangan semasa serta rayuan ahli PBPM.

"Bagaimanapun, saya tidak boleh bagi kelulusan spontan kerana saya bukan kerajaan. Saya cuma pemimpin kerajaan," katanya diikuti tepukan gemuruh 18,000 ahli PBPM di Majlis Himpunan Pahlawan di Stadium Negara di sini, hari ini.

Selain itu, beliau mencadangkan supaya perajuri

serta bekas perajurit mendapat peluang lebih luas di bidang pendidikan agar tidak ketinggalan berbanding masyarakat awam.

Sebelum itu, Presiden PBPM, Datuk Zainol Abidin Johari, mencadangkan kerajaan menubuhkan modal pusingan serta menggubal akta membatalkan pelbagai peraturan dan aspek perlindungan terhadap bekas perajurit.

Menurutnya, hanya langkah sedemikian mampu menarik minat generasi muda menyertai ATM berikutan pelbagai ganjaran memuaskan di samping masa depan yang lebih terjamin.

Ketika ditemui, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, berkata kementerianya akan bekerjasama dengan PBPM bagi menyediakan kertas kerja Tabung Modal Pusingan sebelum di-

serahkan kepada Kabinet.

Menurut Najib, kedua-dua pihak akan merangka mekanisme bagi menentukan kaedah pelaksanaan tabung berkenaan yang dijangka dibiayai sepenuhnya oleh Bank Negara.

"Tabung ini akan menjadi pusingan pinjaman kepada bekas perajurit yang bercadang menceburi bidang perniagaan. Kertas kerjanya akan dihantar kepada Kabinet dalam sedikit masa lagi," katanya.

Mengenai perkembangan terbaru penghantaran anggota tentera ke Bosnia, Najib berkata, Malaysia masih menunggu maklum balas daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

"Setakat ini, kita belum ada maklum balas secara langsung daripada PBB, mungkin dalam sedikit masa lagi," katanya.